



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN JOHOR

**ACCON 2012**  
ACADEMIC CONFERENCE

THE 8<sup>th</sup> UITMCJ  
ACADEMIC CONFERENCE

Globalisation and Dynamics  
Towards a World Class University

# **CD PROCEEDING**

## **ACCON 08**

**Penyelenggara:**

**Rohani binti Jangga**

**Ainol Hasanal bin Jalaluddin**

**Dr. Carolyn Soo Kum Yoke**

**Noridah binti Sain**

**Terbitan:**

**BPJIA UiTM Cawangan Johor**

**2012**

**Cetakan Pertama 2012**

**Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada BPJIA UiTM Johor.**

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

## **CD Proceeding for ACCON 08**

8<sup>th</sup> Academic Conference, UiTM Johor

### 1. Proceeding

**ISBN 978-967-0479-03-3**

**Diterbitkan oleh:**

Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri dan Alumni  
UiTM Cawangan Johor  
KM 12 Jalan Muar  
85000 Segamat  
JOHOR DT

**Dicetak oleh:**

Percetakan Segamat

Jalan Orkid  
85000 Segamat  
JOHOR DT

Pereka grafik: Unit Korporat dan Media  
UiTM Johor

# CONTENT

**CLICK ON THE TITLE TO LINK TO THE FULL PAPER.**

**\*A=Accounting; B= Information Management, Marketing & Management; C=Economy & Finance; D= FSKM; E=Other Discipline (CITU, APB, LAW)**

NOS.	REF.*	TITLE	AUTHOR
1.	E103	<a href="#">Penglibatan Syarikat Swasta Di Malaysia, Singapura Dan Indonesia Dalam Mengembangkan Potensi Harta Wakaf: Suatu Perbandingan</a>	Mohd Ali Muhamad Don
2.	E104	<a href="#">Acquisition Of Verb-Tenses Among Esl Lecturers: An MDAB Pilot Study</a>	1. Dr Carolyn Soo Kum Yoke 2. Nor Haniza Hasan
3.	A105	<a href="#">Tax Knowledge And Tax Compliance Among Self-Employed In Malaysia</a>	1. Fatimah Alwi 2. Noraizah Abu Bakar
4.	B106	<a href="#">Knowledge Management Initiatives For Sirim Berhad</a>	1. Siti Nuur-Ila Mat Kamal 2. Zainab Sulaiman
5.	B108	<a href="#">Managing Public Transport Service Operation In Reducing Travel Fear Factor</a>	1. Rohana Sham 2. Mashita Sham 3. Khairunnisa Rahman 4. Nurazlina Samsudin
6.	C109	<a href="#">Employees' Perspective Of Ethics</a>	1. Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin 2. Raziah Bi Mohamed Sadique 3. Dr. Norhayati Alias 4. Pn Noraizah Abu Bakar
7.	E110	<a href="#">Using Online Corrective Feedback In The Editing Stage Of Academic Writing Among ESL undergraduates</a>	1. Cecilia Bai Rajendran 2. Dr. Carolyn Soo Kum Yoke 3. Noridah Sain 4. Puteri Nur Hidayah Kamaludin 5. Sofwah Md Nawi 6. Suhaili Mohd Yusof

8.	B113	<a href="#">Cointegration And Causality Between Overnight Policy Rate And Commercial Bank Rate</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Abdul Razak Bin Jambari</li> <li>2. Azizah Binti Daut</li> <li>3. Noranita Abdamia</li> </ol>
9.	C115	<a href="#">Energy Consumption, Gross Domestic Product, Foreign Direct Investment And Co2 Emission In Malaysia</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mohd Azim Sardan</li> <li>2. Azman Ali</li> <li>3. Tan Yan Ling</li> <li>4. Abdul Razak Jambari</li> </ol>
10.	C118	<a href="#">Systematic Risk Of Malaysian Stock</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tay Bee Hoong</li> <li>2. Tan Yan Ling</li> <li>3. Nur'asyiqin Ramdhan</li> <li>4. Zulkifli Mohamed</li> </ol>
11.	B119	<a href="#">The Impact Of Semantic Web On Digital Libraries Development</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Muhammad Asyraf Bin Wahi Anuar</li> <li>2. Isma Bin Ishak</li> </ol>
12.	E120	<a href="#">Penggunaan Kata Kerja Kini ( الفِعل المُضارع ) Dalam Al-Quran Dari Sudut Masa</a>	Abd Rahman Jamaan
13.	B128	<a href="#">Pusat Sumber Sekolah Sebagai Ejen Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (Spm): Kajian Ke Atas Pelajar Baru Sesi Disember-April 2010, UiTM , Johor</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nor Diana Bte Abd. Rahman</li> <li>2. Nor Ezan Bin Omar</li> <li>3. Zailani Bin Shafie</li> </ol>
14.	E129	<a href="#">Pengurusan Zakat Di IPTA : Pengalaman Dan Cabaran di UiTM</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nazrudin Bin Hashim</li> <li>2. Mohd Zainoddin Bin Mustaffa</li> </ol>
15.	E130	<a href="#">Kajian Ke Atas Penggunaan Partikel Mod UiTM al Pelajar Johor Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin</a>	Chong Peng Hwa
16.	B135	<a href="#">A Case Study Of Digi Telecommunications Sdn Bhd Strategic Marketing Analysis</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rohanizan Md Lazan</li> <li>2. Roslina Ali</li> <li>3. Shaherah Abd Malik</li> <li>4. Rabiatal Alawiyah Zainal Abidin</li> </ol>
17.	B138	<a href="#">Entrepreneurial Strategic Alliances And Partnership Of Marketing And Retailing In Small And Medium Enterprises In Agro Sapling Supply Chain</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Shaherah Abd. Malik</li> <li>2. Wan Haslin Aziah</li> <li>3. Syaidatul Zarina Mat Din</li> <li>4. Roha Mohamed Noah</li> <li>5. Norhayati Omar</li> </ol>

18.	D139	<a href="#">Student Timetable Asistant System (Stasys)</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Noor Azrin Binti Zainuddin</li> <li>2. Nafisah Binti Jamingan @ Amin</li> <li>3. Mohamad Azlan Shah Bin Mohamed Azman</li> </ol>
19.	E141	<a href="#">Using Readers Theatre To Improve Reading Fluency And Comprehension</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Evelyn Sharminnie Vasuthavan</li> <li>2. Dr Carolyn Soo Kum Yoke</li> <li>3. S Kunaratnam Sita Raman</li> <li>4. Nor Haniza Hasan</li> <li>5. Cecilia Bai Rajendran</li> <li>6. Noridah Sain</li> </ol>
20.	A142	<a href="#">How Quantitative And Qualitative Of Data Research Can Be Embedded Together?</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dr. Norhayati Alias</li> <li>2. Pn Noraizah Abu Bakar</li> </ol>
21.	B143	<a href="#">Preliminary Study On Social Network Among Malay Smes Entrepreneurs: Gender Differences</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Oswald Timothy Edward</li> <li>2. Ehsan Fansuree Surin</li> </ol>
22.	E144	<a href="#">Penambahbaikan Pembelajaran Di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor: Kajian Pelaksanaan Sistem Anjal</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Prof. Madya Ahmad Nawawi Yaakob</li> <li>2. Nor Rashidah Mohamed</li> </ol>
23.	E137	<a href="#">Representasi Semantik Lewat Adat-Istiadat Perkahwinan Dalam Alam Minangkabau</a>	Ainol Hasanah Bin Jalaluddin

# **PENAMBAHBAIKAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH AGAMA KERAJAAN NEGERI JOHOR: KAJIAN PELAKSANAAN SISTEM ANJAL**

**Prof. Madya Ahmad Nawawi Yaakob  
Nor Rashidah Mohamed**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

## **Abstrak**

*Pendidikan Islam di Negeri Johor telah lama berkembang sejak 1920an lagi. Beberapa perubahan cuba dilaksanakan sebagai proses penambahbaikan sistem pembelajaran seiring dengan sistem pendidikan kebangsaan, termasuklah membuat perubahan penjadualan sesi pembelajaran yang dikenal sebagai sesi pengajian 2..3.. Tujuan utamanya bagi membuka ruang yang lebih lama sesi pembelajaran pelajar di sekolah agama. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kekuatan dan kekurangan dalam sesi pengajian 2..3.. yang diperkenalkan pada 2008. Berbantuan soal selidik kepada guru dan ibubapa, kajian mendapati majoritinya kurang setuju dengan pelaksanaan sesi pengajian 2..3.. ditambah pula dengan prestasi semasa yang menunjukkan terdapat sedikit kekurangan. Oleh kerana ia baharu sahaja diperkenalkan, beberapa ubah suai dan penambahbaikan sistem ini dicadangkan termasuklah mengatur semula penjadualan waktu persekolahan. Pendidikan agama yang sekian lama berperanan seharusnya mampu memberi impak besar kepada pembentukan pribadi murid dan ia boleh dilaksanakan dengan kesungguhan kerajaan negeri dan komitmen para guru serta sokongan massa.*

## **Pengenalan**

Sekolah Agama Kerajaan Johor merupakan sekolah-sekolah pendidikan Islam di bawah pentadbiran Kerajaan Johor yang ditadbir menerusi Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor. Sistem Pendidikan Agama Negeri Johor dipercayai adalah sistem pendidikan agama yang terawal ditakbir secara rasmi oleh kerajaan negeri di Malaysia iaitu pada tahun 1918 dengan titah Sultan Johor dengan nama Sekolah Al-Quran, kemudian ditukar kepada Sekolah Kitab pada tahun 1920 dan Sekolah Agama (petang) pada tahun 1923.

Atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Almarhum Sultan Abu Bakar, sekolah Agama Kerajaan Johor diwujudkan. Tujuannya adalah untuk memberi pendidikan agama kepada kanak-kanak Islam di negeri Johor dengan menggunakan perantaraan Bahasa Melayu secara percuma bagi memastikan kanak-kanak Islam di Johor mendapat pendidikan agama yang teratur, sempurna dan dikawal oleh pihak pemerintah.

Sekolah Agama Kerajaan Johor ini menjalankan operasi sesi pagi dan petang bermula tahun 1965 iaitu seiring dengan perubahan masa persekolahan Sekolah Kebangsaan yang melaksanakan persekolahan pagi dan petang. Sesi pagi bermula jam 7.30 pagi hingga jam 12.00 tengahari dan sesi petang bermula jam 2.00 petang hingga jam 6.30 petang.

Namun, mulai Januari 2008, Jabatan Agama Johor telah merintis pelaksanaan sistem persekolahan anjal di 42 buah sekolah terpilih. Persekolahan anjal ini yang akan mengamalkan sistem persekolahan dari lima hari seminggu kepada dua hari bagi Tahap Satu (darjah 1, 2 dan 3) iaitu hari Khamis dan Jumaat, dan 3 hari bagi Tahap Dua (darjah 4, 5 dan 6) iaitu pada hari Isnin, Selasa dan Rabu.

Masa pembelajaran harian juga berubah dari 1 jam 30 minit sehari bagi Tahap Satu dan 3 jam sehari bagi Tahap Dua kepada 4 jam 30 minit setiap hari mengikut hari persekolahan yang ditentukan kecuali hari Jumaat hanya 4 jam sahaja.

Rasional bagi pelaksanaan sesi 2..3.. adalah untuk mengurangkan gejala ponteng di kalangan pelajar. Di samping itu, ia juga dapat memberi ruang kepada Sekolah Kebangsaan melaksanakan ko-kurikulum, tambahan masa Sains dan Matematik dan J-Qaf.

Sehingga kini, Sekolah Agama Johor telah diterima oleh masyarakat Islam Johor sebagai satu keperluan walaupun di masa yang sama anak-anak mereka mendapat pendidikan agama menerusi mata pelajaran pendidikan Islam yang diajar di Sekolah Rendah dan Menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Perubahan sistem persekolahan ini dibuat bagi mengatasi :

1. Gejala ponteng sekolah agama dengan alasan penglibatan murid-murid dalam aktiviti wajib di sekolah kebangsaan.
2. Masalah perubahan masa sekolah bagi mata pelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris di semua sekolah kebangsaan.



3. Rungutan ibubapa mengenai waktu pembelajaran di sekolah agama yang singkat sehingga banyak masa dihabiskan ditengah jalan untuk menghantar dan mengambil anak-anak mereka pergi dan balik.
4. Jumlah pelajar yang terlalu ramai pada setiap hari persekolahan kerana melibatkan keseluruhan pelajar dari Darjah 1 hingga ke Darjah 6.
5. Bilangan bilik darjah yang tidak dapat menampung bilangan pelajar yang ramai.

Tambahan lagi, menjelang 2010, Sekolah Agama Kerajaan Johor akan dimansuhkan sepenuhnya selari dengan perancangan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi pelaksanaan persekolahan satu sesi .

### **Metodologi Kajian**

Sebanyak 42 buah sekolah yang diberi tanggungjawab melaksanakan percubaan sistem anjal di seluruh negeri Johor. Namun begitu bagi tujuan penyelidikan, penyelidik memilih empat buah sekolah bagi mewakili empat daerah; Segamat, Muar, Batu Pahat dan Johor Bahru.

Penyelidik mendapatkan respond daripada para guru dan ibu bapa dengan menggunakan soal selidik bagi mendapatkan input penyelidikan seperti yang dimaksudkan. Kajian ini melibatkan 200 responden di kalangan ibu bapa dan sebahagian daripada guru-guru yang dikenalpasti. Data-data dianalisa berbantuan SPSS PC- ver 17.0 bagi mengukur purata, frekuensi, medium, mood dengan responden seramai 199 (ibu bapa) dan 51 (guru).

### **Dapatan Kajian**

**Jadual 1: Jantina ibu bapa**

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Lelaki	111	55.8
Perempuan	88	44.2
Jumlah	199	100

**Jadual 2: Umur**

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Bawah 30 tahun	14	7
30 - 40 tahun	90	45.2
40 - 50 tahun	85	42.7
50 - 60 tahun	9	4.5
Lebih 60 tahun	1	0.5

Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan jumlah dan peratusan jantina dan umur ibubapa sebagai responden kajian. Sebanyak 55.8 % responden lelaki dengan majoriti berada pada umur 30 – 50 tahun mewakili responden kajian.

**Jadual 3: Anak di Sekolah Agama**

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
1 orang	68	34.2
2 orang	77	38.7
3 orang	32	16.1
4 orang	6	3
5 orang	1	0.5

**Analisa Deskriptif (Ibubapa)****Jadual 4: Maklumat**

<b>Bil</b>	<b>ITEM</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>Min</b>
<b>1</b>	Mendapat maklumat mengenai perubahan sesi 2..3.. secukupnya.	6 (3)	22 (11.1)	38 (19.1)	96 (48.2)	35 (17.6)	3.67
<b>2</b>	Memahami konsep pelaksanaan sesi 2..3.. di sekolah agama.	6 (3)	17 (8.5)	30 (15.1)	109 (54.8)	37 (18.6)	3.77

(Skala: 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: tidak pasti, 4: setuju, 5: sangat setuju)

Jadual 4 di atas menjelaskan mengenai maklumat perubahan pelaksanaan sistem sekolah anjal di kawasan kajian. Ia menjelaskan ibubapa mendapat maklumat yang lengkap mengenai

pelaksanaan sistem jadual anjal yang dijalankan dengan purata 3.67, di samping mereka juga memahami konsep sekolah anjal yang diperkenalkan pada min 3.77.

**Jadual 5: Jarak dan pengangkutan**

<b>Bil</b>	<b>ITEM</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>Min</b>
<b>3</b>	Jarak antara sekolah kebangsaan dan sekolah agama menyukarkan pergerakan anak-anak.	37 (18.6)	93 (46.7)	23 (11.6)	23 (11.6)	22 (11.1)	2.49
<b>4</b>	Pelaksanaan sesi 2..3.. memudahkan pembelajaran anak.	12 (6)	32 (16.1)	43 (21.6)	76 (38.2)	36 (18.1)	3.46
<b>5</b>	Sesi 2..3.. memudahkan urusan pengangkutan.	7 (3.5)	21 (10.6)	20 (10.1)	104 (52.3)	46 (23.1)	3.81
<b>6</b>	Sesi 2..3.. menjimatkan kos pengangkutan.	11 (5.5)	28 (14.1)	22 (11.1)	90 (45.2)	46 (23.1)	3.67

(Skala: 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: tidak pasti, 4: setuju, 5: sangat setuju)

Jadual 5 di atas menunjukkan jarak antara sekolah agama dengan sekolah kebangsaan serta pengangkutan yang melibatkan murid dan ibubapa apabila berlakunya perubahan jadual sekolah anjal di kawasan kajian. Responden menyatakan jarak bukanlah halangan atau bebanan untuk berulang alik dengan min 2.49, walaupun mereka juga tidak menafikan perubahan ini akan melibatkan pengurangan kos pengangkutan pada min 3.67. Responden juga seakan bersetuju (dengan peratusan 75.1%) ia akan mengurangkan kos pengangkutan walaupun minnya agak rendah pada 3.81.

**Jadual 6: Aktiviti Ko-Kurikulum dan Persiapan anak**

<b>Bil</b>	<b>ITEM</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>Min</b>
<b>7</b>	Sesi 2..3.. menjimatkan masa ibubapa untuk bekerja.	12 (6)	30 (15.1)	22 (11.1)	86 (43.2)	47 (23.6)	3.63
<b>8</b>	Aktiviti ko-kurikulum di sekolah kebangsaan tidak terjejas dengan perlaksanaan sesi 2..3..	10 (5)	23 (11.6)	48 (24.1)	82 (41.2)	36 (18.1)	3.56
<b>9</b>	Kerisauan ibubapa meninggalkan anak bersendirian di rumah.	18 (9)	38 (19.1)	13 (6.5)	69 (34.7)	61 (30.7)	3.56

<b>10</b>	Anak mempunyai masa yang cukup untuk membuat persiapan ke sekolah agama.	14 (7)	56 (28.1)	28 (14.1)	73 (36.7)	27 (13.6)	3.2
-----------	--	-----------	--------------	--------------	--------------	--------------	-----

(Skala: 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: tidak pasti, 4: setuju, 5: sangat setuju)

Jadual 6 di atas menunjukkan persepsi ibubapa berkaitan urusan kerjaya mereka dengan komitmen menghantar anak ke sekolah agama. Peratusan (pada 66.8 %) menjelaskan ibubapa bersetuju bahawa sistem jadual anjal membantu mereka menguruskan masa di tempat kerja. Kekerapan ulang alik pada setiap hari tentunya akan meningkatkan kos dan menjejaskan produktiviti kerjaya.

Dalam pada itu, responden menjelaskan kebimbangan mereka tentang aktiviti ko-kurikulum anak di sekolah kebangsaan pada peratusan sederhana (59.2%), dan kerisauan mereka meninggalkan anak-anak yang tidak bersekolah (bersendirian) agak tinggi pada 65.4%. Ibumama umumnya 'tidak pasti' sama ada anak mereka mempunyai masa yang cukup untuk membuat persiapan untuk menghadiri pembelajaran di sekolah agama. Perkara ini tidak dinafikan kerana waktu persekolahan sekolah kebangsaan berakhir pada 1.30 tengah hari dan waktu sekolah agama (sistem anjal) bermula pada jam 2.30 petang.

**Jadual 7: Persepsi tentang Beban Akademik yang ditanggung anak-anak**

<b>Bil</b>	<b>ITEM</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>Min</b>
<b>11</b>	Anak terbeban dengan tempoh masa pembelajaran yang panjang.	18 (9)	59 (29.6)	33 (16.6)	58 (29.1)	31 (15.6)	3.1
<b>12</b>	Anak lebih berpeluang mengikuti kelas tambahan.	4 (2)	45 (22.6)	44 (22.1)	79 (39.7)	27 (13.6)	3.4
<b>13</b>	Guru di sekolah agama mempunyai lebih ruang untuk mendidik anak.	2 (1)	12 (6)	55 (27.6)	83 (41.7)	47 (23.6)	3.8

(Skala: 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: tidak pasti, 4: setuju, 5: sangat setuju)

Jadual 7 di atas menjelaskan persepsi responden tentang beban akademik yang ditanggung oleh anak-anak. Responden umumnya menyatakan ketidakpastian mereka atas beban anak-anak pada min 3.1, dan begitu juga pada item 'berpeluang mengikuti kelas tambahan' yang

menjelaskan ketidakpastian mereka pada min 3.4. Sebaliknya ibubapa berkeyakinan bahawa guru di sekolah agama mempunyai ruang yang lebih untuk memberi pendidikan yang lebih baik dengan waktu yang sesuai.

**Jadual 8: Prestasi dan Sokongan Sistem Jadual Anjal**

<b>Bil</b>	<b>ITEM</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>Min</b>
<b>14</b>	Yakin prestasi anak lebih baik dengan pelaksanaan sesi sekolah agama.	6 (3)	22 (11.1)	69 (34.7)	63 (31.7)	37 (19.6)	3.5
<b>12</b>	Ibubapa setuju dengan pelaksanaan sesi 2..3..	16 (8)	23 (11.6)	38 (19.1)	80 (40.2)	42 (21.1)	3.5
<b>13</b>	Ibubapa menyokong sesi persekolahan 2..3.. diperluaskan ke semua sekolah agama	14 (7)	27 (13.6)	43 (21.6)	67 (33.7)	47 (23.6)	3.5

(Skala: 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: tidak pasti, 4: setuju, 5: sangat setuju)

Jadual 8 di atas menunjukkan keyakinan responden pada pencapaian akademik anak-anak di sekolah agama dan sokongan mereka pada pelaksanaan sistem sekolah anjal. Dapatan ini menjelaskan ibubapa tidak pasti dengan keupayaan sistem ini dapat meningkatkan prestasi akademik di sekolah agama, walaupun mereka bersetuju dengan pelaksanaan sistem ini pada peratusan yang tinggi (61.3%) dan (57.3%).

## **Maklum Balas Guru**

**Jadual 9: Jantina**

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Lelaki	18	35.3
Perempuan	32	62.7

**Jadual 10: Umur**

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Bawah 30 tahun	18	35.3
30 - 40 tahun	19	37.3

40 - 50 tahun	11	21.6
50 - 60 tahun	2	3.9
Lebih 60 tahun	50	9.8

Jadual 9 dan Jadual 10 menunjukkan jumlah dan peratusan jantina dan umur guru sebagai responden kajian. Sebanyak 62.7 % responden perempuan dengan majoriti berada pada umur 30 – 50 tahun mewakili responden kajian.

#### **Jadual 11: Pendidikan Tertinggi**

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
SPM	29	56.9
Diploma	17	33.3
Ijazah dan ke atas	4	7.8
Lain - lain	0	0

Jadual 11 di atas menunjukkan populasi responden mendapat pendidikan tahap SPM pada 56.9 % dan diploma (33.3%) manakala ijazah pada 7.8%.

#### **Jadual 12: Tempoh Bertugas**

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Bawah 5 tahun	15	29.4
6 – 10 tahun	21	41.2
11 – 15 tahun	7	13.7
16 – 20 tahun	4	7.8
Lebih 21 tahun	3	5.9

Jadual 12 menunjukkan tempoh responden bertugas di sekolah agama dan pendapatan responden. Peratusan responden bertugas mewakili 6 hingga 10 tahun adalah (41.2%) dan lebih 21 tahun adalah 5.9%.

#### **Jadual 13: Pendapatan sebulan keluarga**

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Bawah RM1000	13	25.5

RM1001 - RM 2000	17	33.3
RM2001 - RM 3000	13	25.5
RM3001 - RM 4000	3	5.9
RM4001 - RM 5000	2	3.9
Lebih RM5000	2	3.9

### Analisa Deskriptif (Guru)

**Jadual 14: Maklumat**

Bil	ITEM	1	2	3	4	5	Min
1	Guru mendapat maklumat mengenai perubahan sesi 2..3.. secukupnya	1 (2)	3 (5.9)	2 (3.9)	24 (47.1)	18 (35.3)	4.15
2	Memahami konsep pelaksanaan sesi 2..3.. di sekolah agama	3 (5.9)	8 (15.7)	18 (35.3)	20 (39.2)	49 (96.1)	4.12

(Skala: 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: tidak pasti, 4: setuju, 5: sangat setuju)

Jadual 14 di atas menjelaskan mengenai maklumat perubahan pelaksanaan sistem sekolah anjal di kawasan kajian. Ia menunjukkan kebanyakan guru mendapat maklumat yang lengkap mengenai pelaksanaan sistem jadual anjal yang dijalankan dengan purata 4.15%, di samping mereka juga memahami konsep sekolah anjal yang diperkenalkan pada min 4.12%.

**Jadual 15: Memudahkan Pengajaran dan Pembelajaran**

Bil	ITEM	1	2	3	4	5	Min
3	Pelaksanaan sesi 2..3.. memudahkan guru-guru mengajar	1 (2)	10 (19.6)	4 (7.8)	24 (47.1)	9 (17.6)	3.6
4	Proses P&P lebih tersusun dan menarik.	2 (3.9)	12 (23.5)	12 (23.5)	16 (31.4)	6 (11.8)	3.3

(Skala: 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: tidak pasti, 4: setuju, 5: sangat setuju)

Jadual 14 & 15 di atas menerangkan mengenai memudahkan pengajaran dan pembelajaran (P &P) responden dalam pelaksanaan sistem sekolah anjal di kawasan kajian. Dapatan ini

menjelaskan purata pelaksanaan sesi 2..3.. memudahkan guru-guru mengajar adalah (3.6%) manakala proses P & P lebih tersusun dan menarik sebanyak 3.3%

**Jadual 16: Kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran**

<b>Bil</b>	<b>ITEM</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>Min</b>
<b>5</b>	Kemudahan P&P mencukupi di sekolah.	1 (2)	23 (45.1)	7 (13.7)	12 (23.5)	5 (9.8)	2.9
<b>6</b>	ABM disediakan secukupnya oleh pihak sekolah.	1 (2)	24 (47.1)	6 (11.8)	15 (29.4)	2 (3.9)	2.9
<b>7</b>	Bilangan pelajar di dalam kelas adalah sesuai – munasabah.	4 (7.8)	11 (21.6)	4 (7.8)	26 (51)	4 (7.8)	3.3
<b>11</b>	Lebih ruang untuk mendidik murid di sekolah agama.	7 (13.7)	9 (17.6)	11 (21.6)	16 (31.4)	5 (9.8)	3.1

(Skala: 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: tidak pasti, 4: setuju, 5: sangat setuju)

Jadual 16 menunjukkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran responden di kawasan kajian. Kebanyakan responden bersetuju bilangan pelajar di dalam kelas adalah sesuai – munasabah sebanyak (58.8%) manakala responden tidak pasti lebih ruang untuk mendidik murid di sekolah agama (min 3.1%)

Di samping itu, kebanyakan responden tidak bersetuju kemudahan P & P mencukupi di sekolah adalah 46.1% dan ABM disediakan secukupnya oleh pihak sekolah (49.1%). Kemudahan sedia ada di sekolah agama perlu dipertingkatkan agar proses P & P dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

**Jadual 17: Gaji**

<b>Bil</b>	<b>ITEM</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>Min</b>
<b>8</b>	Gaji bulanan yang dibayar adalah sesuai dengan tugas.	5 (9.8)	8 (15.7)	9 (17.6)	19 (37.3)	5 (9.8)	3.2
<b>9</b>	Beban tugas dirasakan semakin berat.	7 (13.7)	16 (31.4)	6 (11.8)	14 (27.5)	6 (11.8)	2.9



<b>10</b>	Kekurangan guru menjadi masalah utama pelaksanaan sesi 2..3..	2 (3.9)	5 (9.8)	9 (17.6)	15 (29.4)	18 (35.3)	3.9
<b>12</b>	Prestasi murid semakin baik berbanding sesi dahulu.	12 (23.5)	12 (23.5)	9 (17.6)	13 (25.5)	2 (3.9)	2.6

(Skala: 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: tidak pasti, 4: setuju, 5: sangat setuju)

Jadual 17 di atas menerangkan tentang gaji responden di kawasan kajian. Kebanyakan responden menyatakan tidak pasti mengenai gaji bulanan yang dibayar adalah sesuai dengan tugas mereka dengan peratusan( 41.1%). Responden juga tidak pasti beban tugas dirasakan semakin berat dengan purata sebanyak 2.9%. Di samping itu, peratusan responden berpendapat kekurangan guru menjadi masalah utama pelaksanaan sesi 2..3..adalah 64.7% dan kurang bersetuju prestasi murid semakin baik berbanding sesi dahulu dengan purata 2.6%. Kenaikan gaji guru-guru yang setimpal dengan pertambahan beban kerja ditanggung mereka (disebabkan kekurangan guru) berpotensi meningkatkan prestasi dan produktiviti guru-guru sekolah agama. Guru-guru yang lebih komited ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan prestasi pelajar-pelajar mereka ke tahap lebih baik.

**Jadual 18: Pelaksanaan Sesi 2..3..**

<b>Bil</b>	<b>ITEM</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>Min</b>
<b>13</b>	Guru – guru setuju dengan pelaksanaan sesi 2..3..	14 (27.5)	12 (23.5)	4 (7.8)	15 (29.4)	4 (7.8)	2.7
<b>14</b>	Guru – guru menyokong sesi persekolahan 2..3.. diperluaskan ke semua sekolah agama.	15 (29.4)	12 (23.5)	9 (17.6)	9 (17.6)	4 (7.8)	2.5
<b>15</b>	Guru – guru tidak bercadang untuk berpindah ke sekolah lain, sekolah sesi dahulu.	13 (25.5)	5 (9.8)	10 (19.6)	14 (27.5)	4 (7.8)	2.8

(Skala: 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: tidak pasti, 4: setuju, 5: sangat setuju)

Jadual 18 menunjukkan mengenai pelaksanaan sesi 2..3.. di kawasan kajian. Majoriti responden menjelaskan mereka tidak pasti dengan pelaksanaan sesi 2..3.. dengan peratusan

(51%) dan juga tidak pasti menyokong sesi persekolahan 2..3.. diperluaskan ke semua sekolah agama (min 2.5%). Manakala purata (2.8%) menunjukkan guru-guru tidak bercadang untuk berpindah ke sekolah lain, sekolah sesi dahulu. Sikap guru yang kurang yakin terhadap pelaksanaan sesi 2..3.. tidak dinafikan mungkin akan memberi impak negatif kepada pelaksanaan sesi 2..3.. sekolah agama. Pemahaman lebih jelas dapat diberikan kepada ibubapa sekiranya guru-guru lebih memahami objektif di sebalik pelaksanaan sesi 2..3.. ini. Penambaan terhadap program ini dari semasa ke semasa serta sikap guru yang positif serta menyokong sesi 2..3.. akan dapat menjana ke arah menghasilkan sistem pendidikan sekolah agama yang lebih cemerlang.

## **Rumusan**

Rumusan Objektif 1 : Menenal Konsep Sesi Pengajian 2..3.. dijalankan di Sekolah Agama Kerajaan Johor

Hasil kajian awal ini jelas membuktikan kerajaan perlu peka dan mempergiatkan lagi aspek pendidikan agama di sekolah. Konsep pelaksanaan sesi 2..3..sekolah agama harus memberi penekanan ke arah membentuk keperibadian muslim profesional yang berakhlak mulia sekaligus dapat membendung gejala sosial di kalangan masyarakat. Konsep sesi 2..3.. memberi maksud sistem persekolahan agama yang asalnya dilaksanakan lima hari seminggu, telah disingkatkan kepada dua hari bagi tahap rendah dan tiga hari bagi tahap tinggi dalam seminggu bagi memberi ruang kepada kelas tambahan bahasa Inggeris dan Matematik serta kegiatan ko-kurikulum. Perubahan ini dapat dilakukan dengan berdasarkan sistem persekolahan anjal iaitu fleksibel di mana pembelajaran dapat disesuaikan mengikut kehendak semasa dan selaras dengan dasar pendidikan negara.

Kajian menunjukkan purata (min) ibu bapa memahami konsep pelaksanaan sesi 2..3..adalah 3.77. Manakala majoriti guru yang memahami konsep yang sama adalah tinggi iaitu 4.12. Sebagai pihak yang bertanggungjawab merealisasikan matlamat pelaksanaan 2..3.. ini, pemahaman mendalam bagi guru tentang konsep pelaksanaan sesi 2..3.. di sekolah agama amat penting supaya mereka dapat menyalurkan maklumat yang tepat kepada ibubapa. Oleh yang demikian dapat meleraikan kekeliruan dan

ketidakyakinan di kalangan ibubapa terhadap perubahan yang dilakukan bagi membolehkan sistem pendidikan ini dapat dijalankan dengan lancar.

**Rumusan Objektif 2 : Mengenalpasti masalah dan halangan yang timbul daripada pelaksanaan sesi pengajian 2.3..**

Antara halangan yang dihadapi dalam pelaksanaan sistem persekolahan anjal sesi 2.3.. ialah bilangan sekolah agama amat kurang jika dibandingkan dengan bilangan sekolah kebangsaan justeru itu bilangan sekolah agama yang ada tidak dapat menampung kesemua kemasukan pelajar. Guru menganggap kemudahan pengajaran dan pembelajaran( P & P) di sekolah agama di tahap yang sederhana. Responden yang terdiri dari guru-guru sekolah agama berpendapat kekurangan jumlah guru merupakan masalah utama dengan min (3.9) dalam pelaksanaan sesi 2.3... dan secara tidak langsung kebanyakan daripada mereka merasakan beban tugas menjadi semakin berat. yang dapat memenuhi keperluan keseluruhan proses P & P di samping kemudahan alat bantuan mengajar ABM) yang mencukupi yang dapat membantu proses tersebut. Secara langsung, ia dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh guru-guru sedia ada.

Malah terdapat sebilangan guru yang berpandangan murid-murid menjadi lemah dalam mata pelajaran masing-masing. Ini adalah kerana mereka hanya belajar tiga kali sahaja dalam seminggu. Menurut mereka lagi, berlakunya sedikit kelemahan pada darjah 1, 2, dan 3 yang belajar hanya dua hari seminggu terutamanya jika cuti terdapat pada hari tersebut. Maka pelajar-pelajar akan belajar sehari atau tiada langsung dalam tempoh seminggu. Tambahan pula, Murid darjah 2 dan darjah 3 disekolahkan pada awal minggu (Isnin dan Selasa) kerana Khamis dan Jumaat akan memberi ruang yang terlalu panjang murid bercuti (Sabtu dan Ahad) sehingga murid tidak mahu (malas) untuk ke sekolah pada hari Khamis minggu yang akan datang.

Murid darjah 2 dan darjah 3 disekolahkan pada awal minggu (Isnin dan Selasa) kerana Khamis dan Jumaat memberi ruang yang terlalu panjang murid bercuti (Sabtu dan Ahad) sehingga murid tidak mahu (malas) untuk ke sekolah pada hari Khamis minggu yang akan datang.

Masalah utama bagi ibubapa ialah kerisauan meninggalkan anak bersendirian di rumah pada hari tiada sesi persekolahan agama iaitu pada min 3.56

**Rumusan Objektif 3 : Menenalpasti persepsi guru dan ibubapa terhadap pelaksanaan pembelajaran sesi 2..3..**

Sikap guru yang kurang yakin dengan pelaksanaan sistem persekolahan anjal sesi 2..3.. akan memberi impak negatif kepada dengan pelaksanaan sesi 2..3.. sekolah agama. Pemahaman yang lebih jelas dan mendalam dapat diberi kepada ibubapa bagi menyakinkan mereka terhadap perubahan sesi persekolahan sekolah agama sekiranya guru lebih memahami objektif di sebalik pelaksanaan sesi 2..3.. dan 47.1 % bersetuju sesi ini memudahkan guru-guru mengajar.

Ibubapa patut diberi maklumat yang tepat mengenai perubahan pelaksanaan sistem sekolah anjal di sekolah agama anak mereka agar mereka jelas dengan matlamat sebenar perubahan sesi persekolahan sekolah agama. Kajian menunjukkan ibubapa secara sederhana bersetuju perubahan sesi persekolahan kepada sesi 2..3.. dapat memudahkan urusan pengangkutan serta mengurangkan kos pengangkutan. Di samping itu, 39.7% dari responden mempunyai persepsi bahawa anak mereka lebih berpeluang mengikuti kelas tambahan tetapi mereka tidak pasti prestasi anak mereka lebih baik dengan keupayaan pelaksanaan sesi sekolah agama ini.

**Rumusan Objektif 4 : Menenalpasti pengaruh dan sokongan ibubapa serta guru terhadap sesi pengajian 2..3..**

Majoriti responden yang terdiri dari Ibubapa bersetuju pelaksanaan sesi persekolahan 2..3.. di sekolah agama dan juga menyokong sesi persekolahan 2..3.. diperluaskan ke semua sekolah agama di Johor. Menurut kajian ibubapa bersetuju bahawa dengan pelaksanaan sesi 2..3.. telah membantu mereka menguruskan masa di tempat kerja dengan lebih baik..

Sementara, majoriti guru turut bersetuju bahawa pelaksanaan persekolahan sesi 2..3.. boleh dilaksanakan sekiranya bilangan murid dalam kelas tidak melebihi 30 orang iaitu dalam jumlah pelajar yang munasabah dan bilangan guru mencukupi. Persekolahan sesi 2 dan 3 boleh dilaksanakan sekiranya bilangan guru yang mencukupi dan jabatan dapat

membantu menyediakan sebahagian alat ABM supaya pelajar lebih seronok belajar dan P&P dapat berjalan dengan lancar.

**Rumusan Objektif 5 : Mengemukakan cadangan dan penambahbaikan kepada Jabatan Agama Johor bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan sesi 2..3.. di sekolah agama.**

Namun bilangan sekolah agama amat kurang jika dibandingkan dengan bilangan sekolah kebangsaan. Justeru itu, bilangan sekolah agama yang ada tidak dapat menampung kesemua kemasukan pelajar. Peruntukan bagi penambahan ruang belajar beserta fasiliti-fasiliti yang diperlukan dalam proses pengajaran & pembelajaran (P& P) agar kualiti pendidikan di sekolah agama dapat dipertingkatkan.

Untuk memenuhi harapan warga sekolah agama, lebih ramai guru diberi pendedahan dan latihan serta kursus yang bersesuaian mengikut keperluan terkini bagi menampung pembelajaran para pelajar dalam sesi 2..3.. di sekolah agama dan secara langsung dapat mengurangkan beban kerja dan stress kepada guru-guru yang terlibat. Guru-guru yang sedia ada turut dihantar untuk latihan serta kursus bagi membolehkan mereka lebih peka dan bukan hanya mendapat pendedahan malah mampu mengaplikasikan inovasi dalam pendidikan agama menerusi teknologi pendidikan.

Selain itu, sistem pembelajaran di sekolah agama memerlukan penelitian yang rapi dari segi aspek silibus yang masih belum memenuhi kaedah pembelajaran yang sebenarnya. Subjek-subjek agama hanya dibawa sebagai syarat utama untuk belajar di sekolah agama. Tafsir Hadhis, Feqah, Tauhid, dan Bahasa Arab hanya menjadi hafalan yang berorientasikan peperiksaan semata-mata bukannya berbentuk praktikal yang diterapkan sebagai amalan dalam kehidupan. Impaknya, timbul budaya menghafal di kalangan pelajar dan memungkinkan risiko kehilangan dalam hafalan kerana terlupa dalam mengingat. Seharusnya sekolah agama juga menjalankan sistem pendidikan seperti yang dilakukan di sekolah biasa di mana sistemnya lebih sistematik dan praktikal dalam memenuhi keperluan semasa.

Untuk mengatasi masalah pelajar malas datang ke sekolah dan lupa dalam hafalan kerana ruang bercuti terlalu panjang, sebaiknya slot kelas pembelajaran mereka dipinda pada selang hari. Contohnya bagi tahap 1 (satu), sesi pembelajaran boleh dijalankan pada Isnin dengan Rabu atau Selasa dan Khamis. Sementara bagi tahap 2 (dua), kelas diadakan pada hari Isnin, Rabu dan Khamis. Tetapi sekiranya tenaga pengajar dan kemudahan pembelajaran mencukupi, sesi pembelajaran bagi kedua-dua tahap boleh dijalankan serentak.

Penggunaan alat bantuan mengajar (ABM) dan alat pandang dengar (APD) secara meluas perlu dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P & P) bagi menarik minat pelajar dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat melalui kaedah penyampaian yang berkesan.

Sekolah agama perlu ada *standard yang ditetapkan dan terdapat* satu jawatankuasa Induk bagi memantau pelaksanaan di sekolah-sekolah terlibat bagi memastikan mereka mematuhi piawaian dari segi silibus, pengurusan, pelaksanaan bagi memastikan kualitasnya setaraf dengan sistem pendidikan negara masa kini.

Pengurusan yang efisien dan sistematik harus diwujudkan di sekolah agama supaya pencapaian guru, pelajar serta kualiti pengajaran dan pembelajaran terpelihara. Selain itu, ia mengambilkira langkah-langkah yang efektif dalam menangani masalah yang timbul selama ini termasuk aspek kekurangan guru terlatih, beban guru, masalah kesukaran ibubapa dalam menghantar anak ke sekolah., ruang untuk pengisian lain seperti ko kurikulum, kelas tambahan untuk subjek lain, fasiliti yang tidak lengkap dan mencukupi serta hal-hal lain yang dapat mengurangkan halangan ke arah pencapaian pendidikan agama cemerlang.

## RUJUKAN

- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya et. al. (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Basheer El Tom (1989). *Pendidikan dan Masyarakat* (M. Wasiullah Khan/ Mohamad Nordin Sainuddin). Pendidikan dan Masyarakat dalam Dunia Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghulam Nabi Saqib (1989). *Permodenan Masyarakat dan Pendidikan Islam: Perlunya Satu Pendekatan yang Praktis* (M. Wasiullah Khan/ Mohamad Nordin Sainuddin). Pendidikan dan Masyarakat dalam Dunia Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latar Belakang Sejarah Pendidikan*. Diperoleh pada Nov. 28, 2008, dari World Wide Web: [www.sekolah.agama.johor.com](http://www.sekolah.agama.johor.com)
- Mohd Fadzli Abu Bakar (2003). *Perlaksanaan Pendidikan Agama Islam di Johor*. Johor Bahru: Pejabat Ketua Penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor.
- Mohd Salleh Lebar (1998). *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Selangor: Thinker's Library.
- Mohd Yusuf Ahmad (2004). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Yasir Abu Hassan, 2005. *Pengetahuan dan Penghayatan Islam dikalangan Pelajar: Satu Kajian di sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah*. Tidak diterbitkan

Nik Azis Nik Pa (1988). *Aktiviti Membina Refleksi dan Pengabstrakan: Perspektif Pendidikan Kanak-Kanak yang Terabai*, Journal Pendidikan Islam ABIM, Tahun 2 Bil. 8, halaman 28.

Norhafizah Shoheme (2001). *SMKA (P) Al-Mashoor: Sejarah Penubuhan dan Perkembangan serta Peranannya dalam membentuk Generasi Islam*. Tidak diterbitkan.

Sapora Sipon (6 Februari 2007). *Perluaskan Perana Kaunselor*. Berita Harian.

*Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN)*. Diperoleh pada Nov. 28, 2008, dari World Wide Web: [www.sekolah.agama.johor.com](http://www.sekolah.agama.johor.com).

Suzalie Mohamad. 2003. *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM